



1. JAWATAN	: KETUA PEGAWAI KAJICUACA
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kaji Cuaca / Kaji Iklim / Matematik / Sains atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam sebagai Pegawai Kaji Cuaca dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Telah menjalani kursus '*Condensed BIP-M*' bagi membolehkan untuk diakui sebagai '*WMO Graduate Progesional-Meteorologist*' adalah kelebihan.
3. Berpengalaman membuat kerja ramalan cuaca selama tidak kurang 3 tahun adalah kelebihan.
4. Berpengalaman dalam penggunaan peralatan dan komputer khusus untuk ramalan dan mempunyai pengetahuan mengenai sistem komputer perkhidmatan kaji cuaca secara menyeluruh adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan operasi harian unit-unit perkhidmatan kaji cuaca adalah kelebihan.



6. Berpengetahuan dan berpengalaman bekerja berdasarkan piawaian antarabangsa adalah kelebihan.
7. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI KAJI CUACA:

1. Melapor diri kepada Pengarah Kaji Cuaca.
2. Memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada Pengarah Kaji Cuaca dalam hal ehwal teknikal dan operasi kaji cuaca.
3. Mentadbir dan mengurus hal ehwal kakitangan dan operasional perkhidmatan kaji cuaca.
4. Bertanggungjawab di atas keselamatan data-data cuaca dan iklim yang diarkib.
5. Membantu dalam perancangan dan penyediaan peruntukan dan perkembangan jabatan dan juga projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN).
6. Memastikan kesemua data cuaca dan iklim kebangsaan diarkib dalam keadaan baik dan memastikan semua maklumat adalah sejajar dengan Piawaian Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) dan International Civil Aviation Organization (ICAO).
7. Mengurus dan memastikan penyediaan khidmat-khidmat cuaca dan yang berkaitan kepada agensi-agensi kerajaan dan orang awam terutama dalam pemberian maklumat nasihat dan amaran keadaan cuaca buruk seperti hujan lebat, ribut dan angin kencang.
8. Mewakili negara dalam mana-mana mesyuarat yang diadakan di luar negara.